

ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR KATEGORI PERKHIDMATAN PROFESIONAL

Kumpulan Pelaksana

Shamsuddin bin Johan
Fakulti Pengajian Alam Sekitar



Shamsuddin Johan atau lebih mesra dengan gelaran Pok Din dilahirkan di Kampung Air Rawa, Gemencheh, Negeri Sembilan pada tanggal 24 November 1961. Beliau adalah anak kelima daripada 7 adik-beradik dan memperoleh pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan dan Menengah sehingga memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia di Gemencheh, Negeri Sembilan. Puan Khoironi Muhamad adalah Serikandi pilihan beliau yang juga merupakan ibu kepada 11 orang cahaya mata berkat anugerah rezeki Allah SWT. Beliau melangkah ke alam pekerjaan tatkala usia baru berputik, mencurahkan bakti keringat dan mula berkhidmat dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) seawal tahun 1979 sebagai Pelayan Makmal. Masa yang berlalu pantas terus menjadi guru kepada beliau dalam menimba dan berkongsi ilmu seterusnya merealisasikan tugas berdasar jawatan yang pernah disandang, antaranya ialah Pembantu Am Rendah dan Pembantu Makmal.

Kursus Peralihan Pembantu Makmal merupakan satu titik tolak kemajuan kerjaya yang ditawarkan oleh Universiti Putra Malaysia, sekali lagi beliau tidak ketinggalan menyahut cabaran demi kemajuan diri dan UPM. Beliau menduduki Kursus Peralihan Pembantu Makmal pada tahun 2008-2010, berbekalkan keputusan yang cemerlang, beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C27 dan terkini beliau memegang Gred C29. Tugas hakiki selaku Penolong Pegawai Sains sentiasa menjadi keutamaan beliau malah beliau turut dipertanggungjawabkan untuk merencana program latihan kepada rakan sejawatan serta pegawai sokongan di Fakulti. Tanpa mengenal erti jemu, pada tahun 1995, beliau telah mengikuti Kursus Alatan Khas (Kualiti Udara) selama lebih 3 minggu di National Institute of Environmental Studies (NIES), Jepun di bawah bimbingan Professor Dr. Akio Furukawa dan seminggu di Envirodata Weather Stations Pty. Ltd., Australia pada tahun 2003. Selain itu, beliau juga telah mengikuti Kursus Hidrologi bersama Inovasi Samudera Sdn. Bhd. di Lembangan Sungai Mekong, Laos pada tahun 2012.

Usia perkhidmatan beliau di UPM, umumnya dan di Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar khususnya yang kini dikenali sebagai Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FSAS) telah hampir menjangkau 40 tahun. Sumbangan beliau selaku pegawai Klasifikasi Perkhidmatan Sains di peringkat fakulti adalah sangat bermakna kepada staf akademik merangkumi aktiviti pengajaran, kerja lapangan, aktiviti penyelidikan malah turut terlibat aktif dalam kerja-kerja perundingan bersama-sama para penyelidik di FPAS. Penglibatan aktif beliau dalam aktiviti penyelidikan mahu pun perundingan telah menjadikan beliau seorang staf yang sarat dengan ilmu teori dan praktikal dan sering membantu dalam bidang Kualiti Air bersama Prof. Madya Dr. Mohd Kamil Yusoff, bidang Kualiti Udara bersama Prof. Emeritus Dr. Muhammad Awang dan Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom Abdullah, bidang Hidrologi bersama Prof. Madya Dr. Wan Nor

Azmin Sulaiman dan Dr. Nor Rohaizah Jamil dan bidang Air Bawah Tanah bersama Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris dan Prof. Madya Dr. Shaharin Ibrahim. Kepakaran dan pengalaman ilmu yang tinggi nilainya tidak sesekali melalaikan beliau dalam merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dalam segenap segi. Penganugerahan Sijil Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2006 oleh pihak UPM merupakan titik tolak kemajuan kerjaya buat beliau. Kini, bersandar kekuatan kualiti peribadi, pengalaman dan ilmu, khidmat beliau ditagih untuk menyelaras segala aktiviti pengajaran dan penyelidikan di Makmal Hidrologi dan Makmal Penyelidikan Kualiti Udara & Ekofisiologi, Jabatan Sains Alam Sekitar, FPAS, UPM malah turut menjadi tenaga utama dalam pemantauan dan penyediaan data jerebu dan kualiti air di sekitar UPM.

Kegigihan beliau menimba, berkongsi dan menuai ilmu tiada titik noktahnya, "Tuntutlah Ilmu Walau ke Negara China". Beliau sangat aktif membantu Kerja Penyelidikan, Kerja Perundingan, Program Pengembangan Jaringan Industri dan Masyarakat malah turut terlibat dengan Kelab & NGO berkaitan alam sekitar. Keterlibatan beliau dalam kerja penyelidikan dan perundingan telah memberi nilai tambah dan sebuah pengalaman yang tinggi nilai ilmunya. Bertemankan alatan kualiti air dan kualiti udara, beliau menjelajah ke segenap sudut negara antaranya Pulau Perhentian (Terengganu), Sungai Perak (Perak), Pulau Tioman (Pahang), Perhutanan Negeri Melaka, Tanah Tinggi Lojing (Kelantan) dan Sungai Klang (Selangor). Beliau turut aktif dengan kerja-kerja seperti *Environmental Impact Assessment (EIA)* antara tahun 2007-2016 dan *Environmental Monitoring Plan (EMP)* antara tahun 2008-2016. Keberadaan beliau turut berkait-rapat dengan program-program kemasyarakatan yang pernah beliau sertai seperti Misi Bantuan dan Kembara Dakwah oleh NGO Jejak Rimba di beberapa lokasi Perkampungan Orang Asli bersama Program PutraBakti (Sahabat Masjid), bersama NGO Turtle Conservation Society of Malaysia bagi Program Pemuliharaan Tuntung di Terengganu dan Perak, Misi Bantuan Banjir Pantai Timur, Program Pemuliharaan Sungai di sekitar Johor dan Perak. Kerjasama dengan agensi-agens kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains serta Akademi Sains juga turut menjadi pilihan beliau dalam mencurahkan dan berkongsi pengetahuan khususnya bidang alam sekitar. Ringkasnya, beliau telah terlibat aktif dalam majoriti projek penyelidikan dan rundingan, menyertai 20 Ekspedisi Sainifik dan 27 program kemasyarakatan.

Seminar, Konferens dan Bengkel turut mendapat perhatian beliau sebagai platform perkongsian ilmu. Beliau juga terlibat dalam penyediaan bab dalam buku bersama Pensyarah iaitu sebanyak 25 penerbitan dalam bidang alam sekitar terdiri daripada 18 penerbitan berkaitan kualiti air dan 7 penerbitan berkaitan kualiti udara.

Tidak dapat dinafikan bahawa personaliti seusia beliau beserta pengalaman ilmu yang terbuku kemas di dada, beliau sering menjadi pakar rujuk para penyelidik dan rakan sekerja malah konsisten menjaga peradaban sahsiah peribadinya dalam membina komunikasi yang positif dan kondusif.